

432 tapak buang sampah haram

Oleh **AHMAD FADHLULLAH ADNAN**
fadhlullah.adnan@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) mengesan sebanyak 432 tapak pembuangan sampah haram di tujuh negeri yang tidak sepatutnya berlaku ketika Malaysia sedang menuju status negara bersih dan sihat.

Negeri yang menghadapi ma-

- Tujuh negeri dikesan lupus sisa pepejal sesuka hati
- Sukar capai status negara bersih

salah itu adalah Perlis, Kedah, Kuala Lumpur, Putrajaya, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Johor dengan 163 daripadanya masih aktif iaitu terus menjadi tempat pembuangan sampah walaupun sudah ditutup oleh pihak berkuasa.

Pengerusi SWCorp, Datuk Rizalman Mokhtar berkata, pihaknya bimbang dengan kewujudan masyarakat yang tidak berdisiplin dari segi pengurusan kebersihan.

“Kita tak fikir mana tempat betul nak buang sampah. Kalau sikap seperti ini tidak dikawal tidak dibendung, kita boleh jadi negara sampah.”

“Dari segi pengurusan agak teratur, cuma perlu penambahbaikan untuk masyarakat sedar dan berdisiplin dengan pembuangan sampah,” katanya kepada *Mingguan Malaysia* semalam.

Bersambung di muka 4

432 tapak buang sampah haram

Dari muka 1



SWCORP menyeru masyarakat bersama agensi itu tidak membuang sampah sesuka hati bagi memastikan Malaysia mencapai status negara bersih. - MINGGUAN

Menurut beliau, jumlah sisa pepejal yang dijana di negara ini pada tahun lalu adalah sebanyak 38,318 tan sehari dengan anggaran 1.17 kilogram penjanaan sisa pepejal oleh setiap individu di negara ini.

“Jumlah sisa pepejal yang dijana pada tahun lalu itu menunjukkan peningkatan sebanyak 0.065 peratus kenaikan berbanding 38,294 tan sehari pada 2020,” katanya.

Rizalman berkata, proses pengurusan pembuangan sampah bukan sahaja perlu melibatkan SWCorp dan pihak berkuasa, tetapi juga kesedaran dalam kalangan masyarakat bagi terus mengekang kewujudan tapak pembuangan sampah haram.

Katanya, ini kerana pendekatan diambil SWCorp bermula daripada sumber hingga ke tapak pelupusan sudah berjalan lancar, cuma ada masyarakat yang masih mengambil jalan mudah dengan membuang sampah sesuka hati.

“Kita akan terus melaksanakan kempen agar semua pihak me-

ainkan peranan dan akhirnya semua sedar bahawa tanggungjawab menguruskan sampah bukan hanya tanggungjawab kerajaan, tetapi tanggungjawab semua,” katanya.

Tambah Rizalman, pihaknya juga akan menggandakan usaha terutamanya di peringkat penguatkuasaan agar tapak haram itu tidak menjadi kes yang berulang.

“Kita ada kes didakwa di mahkamah dan mereka juga tdi-denda. Mulai tahun 2014 sehingga Mei tahun ini, sebanyak 145 kes telah didakwa di mahkamah dan denda sebanyak RM1.8 juta di tujuh negeri yang menerima pakai akta 672 (Seksyen 71 (1), Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007),” katanya.

Jelas Rizalman, SWCorp dan pihak kerajaan juga sedang menyediakan kemudahan pengurusan sisa pepejal secukupnya termasuk penggunaan teknologi baharu untuk menambah baik sistem pengurusan sisa pepejal.

“Selain kaedah dan teknologi pelupusan sampah seperti Tapak Pelupusan Sanitari dan Anaerobic Digester serta empat insinerator yang ada, mungkin lepas ini kita teroka pelbagai termasuklah fasiliti pengurusan sisa pepejal bersepadu (IWM) yang merupakan salah satu kaedah mengurangkan sampah yang perlu diurus di tempat pelupusan sampah.

“IWM berfungsi untuk asingkan sisa pepejal yang boleh ditukar menjadi sumber tenaga sekali gus dapat meminimumkan sampah yang tak boleh diguna dan dibuang ke tempat pelupusan sampah.

“IWM itu boleh meminimumkan penggunaan tapak pelupusan sampah pada masa depan seperti di Eropah yang sudah 20 tahun tidak mempunyai tapak pelupusan sampah,” katanya.

JUMLAH SAMPAH DIURUSKAN SWCorp PADA MEI

Sisa Domestik - Isi rumah (Tan)

167,561.22

Sisa Pukul (Tan)

22,489.42

Sisa Pembersihan Awam (Tan)

15,496.93

Kitar Semula (Tan)

372